

**NO. SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7154**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) sebab-sebab Kerajaan enggan memberi kewarganegaraan kepada kanak-kanak tanpa kerakyatan yang dilahirkan di Malaysia; dan
- (b) apakah kriteria yang digunakan dan ditetapkan oleh Kerajaan untuk memberikan kewarganegaraan kepada pemohon warga asing.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia akan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Dalam hal ini, JPN mendaftarkan kelahiran kanak-kanak di Malaysia sama ada warganegara Malaysia atau bukan mengikut peruntukkan undang-undang seperti berikut:**

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**
- iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

**Secara umumnya, taraf kewarganegaraan seseorang kanak-kanak adalah bergantung kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kanak-kanak berkenaan. Selain itu, bagi kanak-kanak warga asing yang dilahirkan di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab kedua ibu bapanya untuk menguruskan dokumen perjalanan dan dokumen pengenalan diri dengan negara asal mereka. Oleh itu, dakwaan Ahli Yang**

**Berhormat bahawa Kerajaan enggan memberi kewarganegaraan kepada kanak-kanak adalah tidak benar kerana undang-undang mengenai permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada seseorang individu telah termaktub di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, pertimbangan sewajarnya akan dibuat ke atas permohonan yang dikemukakan dan perlu difahami juga bahawa beban untuk membuktikan kelayakan pemohon bagi dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah menjadi tanggungjawab pemohon itu sendiri.**

**Bagi menjawab soalan (b), Kementerian ini mengambil maklum bahawa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada permohonan kewarganegaraan Malaysia oleh warga asing di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, peruntukkan tersebut telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pemohon. Antaranya ialah pemohon mestilah telah memenuhi tempoh kemastautinan di Persekutuan, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu.**